

Jangan ambil kesempatan keterbukaan PM

UM - 12/8/2006

SEREMBAN 11 Ogos — Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin (**gambar**) mengingatkan ahli-ahli supaya tidak mengambil kesempatan daripada sikap keterbukaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengkritik dengan niat jahat.

Kata beliau, sikap itu akan menimbulkan masalah kepada negara dan pada masa yang sama jangan menimbulkan fitnah sehingga membawa kepada perkara yang tidak kena-mengena.

“Itu merupakan sikap yang cukup baik yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, beliau mengamalkan keterbukaan sejak mengambil alih pemerintahan tetapi (keterbukaan) tentu ada batasnya kerana ia boleh menyebabkan kacau-bilau.

“Kita boleh mengkritik jika ada idea yang bernas dan tujuan yang baik... bagaimanapun kita perlu menghormati sifat Perdana Menteri.

“Kritikan yang diberikan harus membantu kerajaan dan Perdana Menteri sendiri berkata kita harus memberi fokus kepada pembangunan negara, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan agenda nasional,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Muhyiddin berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Abdullah yang menegaskan bahawa beliau boleh ditegur pada bila-bila masa asalkan teguran itu ikhlas dan bertujuan memberi kebaikan kepada rakyat.